

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR
(KULIM BANDAR BAHARU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 29.10.2015

Y.B. DATO' ABD. AZIZ BIN HAJI SHEIKH FADZIR [KULIM BANDAR BAHARU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan reaksi Kerajaan dalam isu 1MDB yang telah menjadi perbualan di peringkat antarabangsa dan langkah yang diambil oleh Kerajaan dalam usaha menyampaikan maklumat sebenar mengenai 1MDB bukan sahaja kepada rakyat Malaysia malah kepada dunia keseluruhannya serta apakah isu 1MDB melanda negara ketika ini memberi kesan kepada kemasukan pelabur-pelabur asing ke negara kita.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1MDB telah dan sentiasa mengambil langkah proaktif dengan memperkukuhkan lagi aliran maklumat di antara 1MDB dengan Kementerian Kewangan dan Jabatan Perdana Menteri. Unit Komunikasi Korporat 1MDB dan *media response teams* (dengan izin) daripada pihak Kerajaan sedang bekerja sama rapat bagi menjadi lebih proaktif di dalam menangani cabaran-cabaran yang mendatang. Selain itu, 1MDB melalui laman webnya juga sentiasa mengemas kini fakta-fakta berkaitan 1MDB bagi mengelakkan kekeliruan dan spekulasi yang tidak benar.

Meskipun terdapat isu domestik yang berbangkit, namun kemasukan pelaburan asing masih berterusan. Pelabur asing di Malaysia merupakan pelabur jangka panjang yang telah mengambil kira prospek perkembangan ekonomi Malaysia secara menyeluruh termasuk asas makroekonomi yang kukuh seperti kadar pengangguran yang rendah, tabungan negara yang tinggi, rizab antarabangsa yang mencukupi dan hutang Kerajaan yang terkawal.

Isu 1MDB bukan merupakan faktor penghalang kemasukan

pelaburan ke Malaysia, malah perangkaan terkini menunjukkan para pelabur masih mempunyai keyakinan terhadap ekonomi Malaysia yang mapan. Keadaan ini dapat digambarkan melalui peningkatan aliran masuk pelaburan langsung asing (FDI) sebanyak RM22.4 bilion dalam tempoh separuh pertama 2015. Jumlah ini jauh lebih tinggi berbanding RM17.5 bilion yang dicatatkan dalam tempoh separuh kedua 2014. Tambahan pula, pelaburan yang telah diluluskan oleh Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) adalah sebanyak RM113.5 bilion dalam tempoh separuh pertama 2015 berbanding RM112 bilion yang dicatatkan pada tempoh yang sama tahun lalu.